Pesan dari Jabatan Pelayanan Kanak-kanak, MAUM.

Dokumen ini disediakan oleh Viva. https://www.viva.org/wwp/

Jabatan Pelayanan Kanak-kanak, General Conference, mencadangkan supaya dokumen ini (yang disediakan oleh Viva untuk Doa Hujung Minggu Sedunia pada June 1-2, 2024) digunakan sebagai bahan sumber sempena **Hari Doa Sedunia Untuk Kanak-kanak Berisiko pada 25 Mei, 2024.**

Sebagai pemimpin kanak-kanak yang lebih memahami keperluan kanak-kanak dan kemudahan-kemudahan yang ada di gereja dan kawasan setempat, anda boleh mengubahsuai bahan sumber ini atau menggunakan bahan-bahan sumber lain yang anda dapati lebih sesuai.

Apapun bahan yang anda gunakan, pastikan kanak-kanak di gereja kita mendapat peluang meluangkan masa bersama-sama dengan kanak-kanak berisiko dalam aktiviti yang sihat dan/atau BERDOA dengan/untuk mereka.

Cadangan Penggunaan Dokumen

Cadangan penggunaan dokumen ini sebagai bahan sumber sempena Hari Doa Sedunia Untuk Kanak-kanak Berisiko pada 25 Mei, 2024.

1. Kenalpasti golongan kanak-kanak berisiko di kawasan setempat.
2. Jemput mereka untuk menyertai kanak-kanak di Sekolah Sabat pada 25 Mei 2024, atau aturkan supaya beberapa kanak-kanak di gereja anda meluangkan masa bersama mereka di tempat mereka berada (tidak semestinya pada hari Sabat).
3. Pilih tema yang sesuai (ada empat tema dalam dokumen ini) untuk kanak-kanak berisiko berdasarkan umur mereka.
4. Implementasikan program, dengan mengingati bahawa kita sedang mengajar kanak-kanak kita untuk berdoa bagi kanak-kanak berisiko sementara kanak-kanak yang didoakan menyedari bahawa orang lain dan Yesus prihatin terhadap mereka.

CAHAYA DUNIA

Doa Hujung Minggu Sedunia | 1-2 Jun 2024

Sauh Alkitab

Doa Hujung Minggu Sedunia Viva adalah tentang anak-anak, terutamanya mengajak anak-anak berdoa untuk sesama mereka. Tema untuk 2024 ialah 'Cahaya Dunia,' daripada ayat 5 dalam Yohanes 9 ketika Yesus berkata, "Selama Aku di dunia, Aku adalah terang dunia." Sauh Alkitab adalah keseluruhan Yohanes 9, di mana penyembuhan orang buta dicatatkan.

Doa Hujung Minggu Sedunia 2023 di Cambodia

Bagaimana Viva bermula

Patrick McDonald, pengasas Viva, menceritakan tentang visi yang diterimanya semasa bekerja dengan misi tempatan untuk kanak-kanak jalanan di Amerika Selatan. Patrick melihat gambar bumi pada waktu malam, megah berputar di hamparannya tetapi entah mengapa "gelap". . . Kemudian tiba-tiba, beberapa titik cahaya muncul: kecil, lemah, dan tidak ketara. Kemudian titik-titik itu bertambah semakin banyak, dan lebih banyak lagi, dan mula bercantum membentuk hab-hab cahaya yang setiap satunya meliputi sesuatu kawasan. Suasana beransur-ansur berubah menjadi lebih terang dan cerah. Patrick tahu penglihatan itu adalah jawapan Tuhan kepada soalannya, "Apakah rancangan itu? Bagaimana, Tuhan, Engkau berharap dapat memenuhi keperluan semua kanak-kanak ini?" Penglihatan itu menggambarkan mobilisasi jemaat-jemaat secara besar-besaran yang menjadi pemangkin tindakan, dihubungkan menjadi rangkaian, dan dilengkapi dengan standard yang sama! **Cahaya!**

Sumber

Dokumen ini menawarkan empat tema daripada kisah Yohanes 9 dengan aktiviti, satu ayat hafalan dan soalan aplikasi untuk membuka slot masa untuk kanak-kanak memimpin orang lain dalam berdoa. Disertai juga testimoni dari hujung minggu 2023. Animasi, lagu, pembentangan PowerPoint dan persediaan 28 hari boleh didapati di laman web, www.worldweekendofprayer.com.

Empat Tema

(I) Pekerjaan Tuhan - untuk anak-anak peringkat umur sekolah rendah. **(II) Keajaiban Tuhan** - untuk anak-anak pra-remaja
(III) Yesus, Anak Tuhan - untuk remaja. **(IV) Iman Kepada Tuhan** - untuk belia dan orang dewasa

Anak-anak boleh berdoa dengan pelbagai cara: Mengadakan doa bertiga; membina/melukis pokok doa; menulis doa pada belon; meletakkan doa pada nota post-it di atas peta; atau menggunakan video, dengan pertukaran siaran langsung antarabangsa.

Beberapa cadangan doa untuk anak-anak.

i) Keamanan dan kasih di dalam rumah dan keluarga saya.
ii) Makanan yang cukup, air bersih untuk diminum, pakaian untuk dipakai, dan penjagaan kesihatan apabila kita sakit dan cedera.
iii) Keamanan dan pengakhiran kepada keganasan di kawasan kejiranan saya.
iv) Untuk pendidikan, agar saya dapat pergi ke sekolah dan diajar oleh guru yang baik dan penyayang.
v) Perlindungan dan keselamatan daripada pembuli dan penipu.
vi) Perubahan sikap terhadap anak-anak agar orang dewasa tidak lagi memandang rendah, mengabaikan atau malahan membenci anak-anak.
vii) Lebih banyak gereja bekerja bersama-sama di kota kita dengan semangat untuk meningkatkan kehidupan anak-anak.

1: Pekerjaan Tuhan

Sauh Cerita - Yohanes 9:1-12

Suatu hari, Yesus berjalan bersama-sama dengan murid-muridNya apabila mereka melihat seorang lelaki merayu. Dia buta sejak dari lahir. Murid-muridNya bertanya, “Rabi, siapakah yang berdosa, lelaki ini atau ibubapanya, sehingga dia dilahirkan buta?” Yesus mengatakan kepada mereka bahawa mereka bertanyakan soalan yang salah. Sebaliknya, perkara ini terjadi agar kuasa Tuhan dapat dipaparkan. Yesus berkata, “Selama Aku di dunia, Aku adalah terang dunia.” Yesus meludah ke tanah, membuat pes dengan tanah dan meletakkannya pada mata lelaki tersebut. Dia menyuruh lelaki itu pergi dan mandi di dalam kolam Siloam, suatu tempat istimewa. Lelaki itu pun pergi. Dia mencuci matanya. Satu keajaiban! Dia dapat melihat. Apabila jiran-jirannya bertemu dengan dia, ada yang meragui bahawa keajaiban ini telah berlaku. Mereka mengatakan bahawa dia hanyalah seorang lelaki yang kelihatan seperti pemuda buta itu.

Aktiviti

i) Patung tanah liat - cipta sebuah patung tanah liat lelaki (cth. Yesus). Ini mewakili Yesus, yang ditemui oleh lelaki buta tersebut. Sekarang, tambahkan cahaya atau sebuah cermin pada kepalanya untuk menunjukkan bahwa Yesus adalah cahaya dunia. Cipta sebuah patung lelaki tanah liat yang lain untuk mewakili lelaki yang buta.

ii) Seni buta - sambil menutup mata, lukis sebuah gambar seseorang sedang berdiri di sisi sebuah rumah. Lihat betapa susah untuk melakukannya!

Ayat Hafalan

Yohanes 9:5 “Selama Aku di dunia, Aku adalah terang dunia.”

Aplikasi

Bincangkan soalan-soalan ini dibawa ke dalam doa tentang melihat **pekerjaan Tuhan.**

i) Apabila perkara buruk berlaku, bagaimanakah Tuhan campur tangan dan mengubah situasi? Apakah peranan kita?
ii) Pernahkah kamu melihat perubahan baik di dalam keluarga, keluarga rakanmu, sekolah ataupun lokaliti? Bolehkah kita berdoa untuk lebih banyak perubahan seumpama itu ?
iii) Ianya susah bagi lelaki tersebut untuk mempercayai Yesus dan mandi di dalam kolam. (Dia boleh saja menggunakan air yang berdekatan.) Bagaimanakah kepercayaan kita terhadap Tuhan? Mungkin perubahan yang kita minta akan mengambil masa yang lama? Mungkin kita perlu melakukan peranan kita juga ?

Testimoni daripada Patna, India:
Doa Hujung Minggu Sedunia 2023 membawa sebuah kesedaran yang berkuasa kepada anak-anak tentang tanggungjawab kita untuk melindungi ciptaan indah yang Tuhan telah berikan kepada kita. Anjali, seorang budak perempuan daripada pusat pembelajaran, kini mematikan lampu dan kipas yang tidak digunakan, menjimatkan air dengan menutup pili air, menanam anak pokok,dan memastikan persekitarannya bersih. Dia kini adalah seorang pahlawan alam, penjaga ciptaan Tuhan, dan sentiasa menggalakkan adik-beradik dan kawan-kawannya untuk menyertai dia.

2: Keajaiban Tuhan

Sauh Cerita - Yohanes 9:13-23

Setelah menceritakan kepada jiran tetangganya bahawa Yesus yang telah menyembuhkan dia, jiran-jirannya membawa dia kepada orang Farisi. Lelaki buta tersebut menerangkan apa yang telah terjadi. Beberapa orang ketua mengatakan bahwa percampuran pes untuk penyembuhan dilakukan pada hari Sabat. Tiada sebarang kerja dibenarkan pada hari Sabat; oleh itu. Yesus bukan lah datang daripada Tuhan kerana Dia berdosa. Penuh dengan keraguan, orang Farisi memanggil kedua ibu bapa lelaki tersebut untuk mengesahkan bahawa lelaki itu adalah anak mereka dan dia dilahirkan buta. Mereka ketakutan dan bertanya bagaimana anak mereka sudah boleh melihat. Mereka berkata, “Dia sudah cukup umur; tanya dia.”

Aktiviti

i) Main peranan - Main peranan- Biarkan anak-anak melakonkan cerita dengan kata-kata mereka sendiri. Lakukannya dua kali dengan anak-anak mengambil peranan yang berbeza.

ii) Hab cahaya- Minta sekumpulan anak-anak melukis peta bandar mereka di atas sekeping kadbod yang besar dengan gaya lukisan mereka sendiri. Tandakan lokasi gereja dan sekolah. Pasang rentetan lampu LED pada setiap sekolah dan gereja. Tukar lampu kepada kelipan. Paparkan untuk menunjukkan rangkaian hab cahaya yang melayani dan meraikan kanak-kanak.

Ayat Hafalan

Yohanes 9:15b: “Yohanes 9:15b: “Ia menaruh lumpur pada mataku,” jawab lelaki itu, “dan aku membasuh, dan sekarang aku melihat.”

Aplikasi

Bincangkan soalan-soalan ini untuk dibawa ke dalam doa tentang melihat **keajaiban Tuhan.**

i) Apa maksudnya ragu ketika kita meminta seseorang melakukan sesuatu untuk kita?
ii) Apa itu keajaiban?
iii) Di manakah kita memerlukan keajaiban sekarang? (keluarga, sekolah, komuniti)

Testimoni daripada anak-anak di Zambia:
“Saya telah mempelajari bahawa Tuhan menciptakan dunia dan segala-gala yang ada di dalamnya, dan dia memberikan manusia tanggungjawab untuk mengasihi dan menjaga haiwan-haiwan.”

“Berdoa untuk satu sama lain dan percaya kepada Tuhan. Kamu boleh meletakkan apa saja di dalam tangan Tuhan; walaupun kamu menghadapi masalah, Tuhan akan membantu dan membimbing kamu.”

“Kita hendaklah menjaga ciptaan Tuhan. Anak-anak perlu pergi ke sekolah dan dididik.”

3: Yesus, Anak Tuhan

Sauh Cerita - Yohanes 9:24-34

Setelah menyoal ibubapa lelaki tersebut, orang Farisi memanggil lelaki buta itu sekali lagi dan berkata, “Puji kepada Tuhan dengan mengatakan kebenaran. Kami tahu bahwa lelaki ini (Yesus) adalah orang yang berdosa.” Dia menjawab, “Sama ada dia orang berdosa atau bukan, saya tidak tahu. Satu perkara yang saya tahu. Saya buta, tetapi sekarang saya dapat melihat!” Orang Farisi bertanya sekali lagi bagaimana dia disembuhkan. Lelaki buta itu hairan mengapa mereka ingin mendengar ceritanya lagi: “Adakah kamu ingin menjadi muridNya?” Mendengar perkataannya itu, orang Farisi melemparkan hinaan kepadanya. Selepas lebih banyak kesaksian tentang Yesus dari lelaki itu, orang-orang Farisi mengusir dia keluar dari rumah ibadat, sambil menyatakan, "Engkau telah tenggelam dalam dosa sejak lahir; beraninya engkau mengajar kami!

Aktiviti

i) Siapa yang bercakap? - Kumpulkan kanak-kanak dalam bulatan, kemudian tutup mata mereka. Pilih seorang kanak-kanak untuk pergi ke tengah dan berkata, "Pergi, basuh di Kolam Siloam." Anak ini kemudian menyertai semula bulatan. Kanak-kanak menanggalkan penutup mata mereka dan meneka siapa yang mengambil bahagian Yesus, hanya dari bunyi suara mereka.

ii) Lumpur yang boleh dimakan - Lumpur yang boleh dimakan-Letakkan pemegang kek cawan moussein coklat. Seorang kanak-kanak memberi makan kepada seorang lagi dengan sudu. Mereka tidak meletakkannya di mata mereka tetapi di mulut mereka!

Ayat Hafalan

Yohanes 9:32,33: “"Tiada siapa yang pernah mendengar tentang membuka mata seorang yang dilahirkan buta. Jika orang ini bukan daripada Tuhan, dia tidak dapat berbuat apa-apa.”

Aplikasi

Bincangkan soalan-soalan ini untuk dibawa ke dalam doa tentang **mendengar kepada Yesus, Anak Tuhan.**

i) Mengapakah ada anak-anak yang tahu bahwa Yesus adalah Anak Tuhan tapi ada yang tidak tahu?
ii) Apakah perkara-perkara lain yang penting untuk diketahui tentang Yesus?
iii) Jika berdoa adalah bercakap dengan Yesus, bagaimana kita juga boleh mendengar? Bolehkah anda mendengar Yesus sekarang?

Testimoni dari Asnath, Tanzania:
Asnath berusia 15 tahun dan tinggal bersama ibunya sejak ibu bapanya bercerai. Semasa Doa Hujung Minggu Sedunia 2022, dia berdoa agar keluarganya dapat bersatu semula. Tahun ini, dia memberitahu kami, "Saya sangat bersyukur kepada Tuhan kerana dia sentiasa mengambil berat terhadap umatnya. Untuk masa yang lama, ayah dan ibu saya berpisah sehingga tahap mereka tidak ingin berkomunikasi antara satu sama lain melalui telefon. Pada penghujung tahun lalu, mereka mula menelefon antara satu sama lain. Ini memberi saya keyakinan untuk percaya bahawa tidak lama lagi mereka akan bersatu semula. Puji kepada Tuhan, yang sentiasa mengabulkan doa kita."

4: Iman Kepada Tuhan

Sauh Cerita - Yohanes 9:35-41

Yesus mendengar bahawa orang Farisi telah mengusir orang (yang dahulunya buta) itu keluar dari rumah ibadat, dan apabila Dia menemuinya, Dia berkata, "Percayakah kamu kepada Anak Manusia?" "Siapakah Dia, Tuan?" lelaki itu bertanya. "Beritahu saya supaya saya percaya kepadanya." Yesus berkata, "Sekarang kamu telah melihat Dia, malah Dialah yang sedang bercakap dengan kamu." Kemudian lelaki itu berkata, "Tuhan, saya percaya," dan dia menyembah Dia. Yesus kemudian bercakap tentang kebutaan rohani dan bahawa sesetengah orang, seperti orang Farisi, tidak dapat melihat dan menerima bahawa Dia adalah Anak Tuhan. Mereka yang tidak percaya akan dihakimi dan dihukum.

Aktiviti

i) Lagu - Minta orang-orang muda atau anak-anak untuk mencipta sebuah lagu yang ringkas.

ii) Kolaj - Ciptakan sebuah kolaj yang besar dengan cebisan-cebisan kain, kertas berwarna, atau lukiskan perkara-perkara yang Yesus lakukan yang menunjukkan bahawa Dia adalah Anak Tuhan. Lekatkan pada dinding. Tutup dengan kain hitam. Anak-anak menyinarkan cahaya padanya dengan menggunakan telefon bimbit atau penyuluh dan berkata, seperti yang orang Farisi lakukan, “Apa? Adakah kita pun buta, juga?” Alihkan kain, dan sekarang, sementara cahaya menyinari pada perkara yang Yesus lakukan, katakan, “Yesus berkata, ‘Aku adalah Cahaya Dunia.’”

Ayat Hafalan

Yohanes 9:38 Kemudian orang itu berkata, "Tuhan, saya percaya," dan dia menyembah Dia.

Aplikasi

Bincangkan soalan-soalan ini untuk dibawa ke dalam doa tentang i**man kepada Tuhan.**

i)Apakah itu iman?

II) Bagaimanakah kali pertama seseorang menemui iman tentang Yesus sebagai Anak Tuhan dan memahami apa yang Dia boleh lakukan adalah seperti seorang buta yang tidak dapat melihat dan kemudian dapat melihat?

III) Adakah anda fikir Yesus mampu mengubah keadaan di rumah kita, di kejiranan kita, di sekolah dan kolej kita? Adakah anda memerlukan lebih banyak iman untuk percaya Dia boleh menjawab doa anda dan doa orang lain? Mengapa tidak meminta Dia berbuat demikian?

Testimoni daripada anak-anak di Cambodia:
Anak-anak mengatakan bahawa berdoa bersama adalah lebih berkuasa daripada berdoa sendirian. Mereka berkata bahawa mereka merasa seperti seorang raja atau ratu ketika mereka memimpin kumpulan besar untuk berdoa. Pemimpin gereja mengakui bahawa mereka harus melatih anak-anak, generasi seterusnya, untuk bersedia bagi tanggungjawab mereka dalam misi.

CAHAYA DUNIA

Doa Hujung Minggu Sedunia | 1-2 Jun 2024

Doa Penutup

Yesus, Engkaulah terang dunia. Engkau menyembuhkan seorang buta yang tidak pernah dapat melihat sejak dia dilahirkan: satu keajaiban yang benar. Dia perlu melakukan bahagiannya dan pergi mencuci di Siloam. Dia perlu percaya kepada Engkau. Tolong saya untuk mempercayai-Mu juga, Yesus. Bantu saya untuk tidak buta dalam pemikiran saya seperti orang Farisi tetapi mengharapkan Engkau mengubah keadaan di bahagian yang termiskin di bandar kami. Pancarkan cahaya keajaibanMu ke rumahku, jalan-jalanku dan sekolahku. Semoga saya yakin seperti orang buta ketika dia menyatakan: "Tuhan saya percaya." Saya mengasihi Engkau, Yesus.

Kempen Doa Hujung Minggu Sedunia merupakan inisiatif global yang diadakan setiap tahun pada hujung minggu pertama bulan Jun, yang menyatukan ratusan ribu orang dewasa dan kanak-kanak di seluruh dunia. Ia dianjurkan oleh Viva, sebuah badan amal yang berdedikasi untuk mengubah lebih banyak kehidupan kanak-kanak untuk memenuhi potensi yang diberikan oleh Tuhan dalam 38 rangkaian komuniti di seluruh dunia. Ketahui lebih lanjut di www.viva.org.